

Megat nafi Mahathir diktator

IPOH, Khamis — Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan diktator tetapi seorang yang setia kepada rakan dan perjuangan parti.

Katanya, segala tuduhan itu adalah fitnah kerana Perdana Menteri adalah seorang yang bertolak ansur dan mengenang budi rakan-rakan seperjuangan.

"Selama 12 tahun bekerja di bawahnya, saya amat mengetahui sikap dan pendirian beliau terhadap parti, bangsa, agama dan rakyat keseluruhan," katanya ketika menutup Seminar Peningkatan Profesionalisme Keguruan dan Peningkatan Disiplin negeri Perak di sini tengah hari ini.

Katanya, Datuk Dr Seri Mahathir tidak pernah berhasrat untuk 'lari' apabila negara menghadapi kelembapan ekonomi, malah cekal menghadapinya.

"Beliau juga tidak pernah mencaci dan melemparkan kata-kata fitnah terhadap sesiapa walaupun dilemparkan dengan pelbagai tohmah dan tuduhan yang tidak berasas.

"Pernahkah kita mendengar Perdana Menteri membuat sebarang ulasan negatif apabila Datuk Musa meletakkan jawatannya?" tanya beliau.

Beliau berkata Datuk Seri Dr Mahathir pernah keluar dari Umno tetapi Allahyarham Tun Abdul Razak berjaya membawanya kembali ke dalam parti.

Sahabat karib

"Kerana rasa hormat dan setia kawan terhadap Allahyarham, Datuk Seri Dr Mahathir berani membidas Kerajaan Britain dan benci kepada orang Inggeris kerana kecewa dengan sikap pemimpin negara itu yang tidak menjenguk jenazah Allahyarham yang meninggal dunia di London," katanya.

Katanya, satu ketika dahulu Perdana Menteri juga enggan melawat Australia kerana sikap kerajaan negara itu yang tidak menghalang tindakan pelajar negara itu dan negara ini yang bergabung berpiket ketika Allahyarham Tun Razak melawat ke Australia.

Perdana Menteri juga sanggup melantik Tengku Razaleigh Hamzah menganggotai kabinetnya walaupun, Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu dua kali mengecewakannya kerana bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden parti menentang sahabat baiknya, Datuk Musa Hitam.

Dalam kedua-dua pemilihan itu, Datuk Seri Dr Mahathir dengan jelas mengatakan sokongan kuatnya kepada Datuk Musa yang dianggap oleh pengikut-pengikut politik sebagai regu yang mantap di segi pemerintahan.

"Tetapi kita belum pernah mendengar sebarang pandangan yang boleh menjatuhkan Tengku Razaleigh yang disebut-sebut akan menentang untuk merebut jawatan Presiden parti," katanya.

Dalam sejarah pemerintahan juga, hanya Datuk Seri Dr Mahathir yang pernah membenarkan timbalannya (Datuk Musa) memangku jawatan Perdana

Menteri sebanyak 28 kali dan ini tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Ini membuktikan Perdana Menteri tidak bersikap tamak atau diktator kerana yakin dan percaya terhadap Datuk Musa yang menjadi sahabat karib sejak kedua-duanya menyertai Umno lagi," katanya.

Beliau juga berkata Datuk Seri Dr Mahathir sentiasa berbincang dengan menteri-menteri kabinet sebelum membuat satu-satu keputusan atau tindakan.

"Sewaktu Datuk Musa menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau sering berbincang dengan Perdana Menteri begitu juga dengan Encik Ghafar Baba yang memegang jawatan itu kini," katanya.

Katanya, tidak ada sikap diktator dalam pemerintahan kini kerana pucuk pimpinan masih berpegang teguh kepada konsep demokrasi.

Datuk Megat Junid juga meminta ahli-ahli Umno supaya memikirkan masa depan parti dengan memberi sokongan padu kepada pemimpin-pemimpin pelapis yang dirasakan dapat meneruskan perjuangan parti.

"Eloklah kita menyediakan payung sebelum hujan kerana kita tidak mahu pucuk pimpinan bercelaru apabila tiba masa mereka mengambil alih kedudukan itu," katanya.

Beliau meminta ahli-ahli Umno supaya merenung dan memikirkan dengan matang sebelum membuat pemilihan pucuk pimpinan parti dalam perhimpunan agung Umno April ini.